

Utusan Malaysia Isnin, 8 Jun, 1981

YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

YAYASAN Tunku Abdul Rahman yang di-
asaskan pada kira-kira 15 tahun lalu telah
muncul sebagai sebuah yayasan yang teguh un-
tuk memberikan khidmat bakti di dalam meng-
galakkan perkembangan anak-anak negeri ini
di bidang pelajaran.

Yayasan itu sekarang mempunyai harta tetap
sebesar \$13.3 juta berbanding dengan jumlah
hanya beberapa ribu sahaja wang yang didapati
ketika yayasan itu ditubuhkan bersempena de-
ngan ulangtahun keputeraan Yang Teramat
Mulia Tunku Abdul Rahman ke-62 tahun pada
8 Februari 1966.

Akhbar Utusan Melayu telah mengambil in-
isiatif menubuhkan yayasan itu setelah cada-
ngan dibuat oleh Menteri Pelajaran ketika itu,
Encik Mohd Khir Johari dan rakannya Tan Sri
Datuk Mohammad bin Jamil.

Memandangkan yayasan itu sangat perlu
bercorak nasional maka Kerajaan Persekutuan
telah mengambilalih pentadbiran yayasan itu
melalui Akta Parlimen bilangan 43 tahun 1966.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman
di dalam ucapannya di majlis jamuan dan pe-
nyampalan hadiah yayasan itu malam semalam
telah menyatakan penghargaananya kepada
Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Ma-
hathir yang mengambil inisiatif menggerakkan
semula yayasan itu setelah Tunku kembali dari
Jeddah dan setelah yayasan itu 'sepi' beberapa
lama.

Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam ke-
mudian menyambung tugas menggerakkan ya-
yasan itu sehingga kepada keadaan yang ada se-
karang.

Yayasan Tunku Abdul Rahman ditubuhkan
untuk menjadi simbol kenangan kepada Tunku
dan dengan itu kita suka mengambil kata-kata
pengasas dan pengerusi pertamanya, Encik
Mohd Khir Johari "amatlah penting bagi kita
menghormati dan mencerminkan falsafah hi-
dup Tunku dalam menjalankan pentadbiran-
nya."